

# SIAPA DALANG UTAMA?

Oleh: WARTAWAN ERA BARU

**MEMORANDUM** yang dihantar oleh sembilan orang Menteri Kabinet bukan Islam baru-baru ini menonjolkan sikap tidak jujur mereka yang menjadi rakan komponen UMNO dalam Barisan Nasional. Tindakan tidak bertanggungjawab itu sekaligus mendedahkan kepada umum bahawa terdapat sesetengah pemimpin yang bertaraf 'Menteri Kabinet' masih lagi tidak peka terhadap sejarah negara ini serta tidak sensitif pada perasaan rakyat Malaysia yang majoritinya beragama Islam.

Tindakan sembilan Menteri Kabinet itu merendahkan martabat seseorang menteri dan menggambarkan mereka seolah-olah tidak berada di dalam kabinet kerana sanggup membela kangki Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menjadi ketua pentadbir negara. Tindakan mereka disifatkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai 'kurang manis' dan tidak sesuai kerana perbuatan tersebut bukan amalan pentadbiran Kerajaan.

Exco Pemuda UMNO, Datuk Pirdaus Ismail turut mengocam tindakan menteri-menteri Kabinet bukan Islam itu kerana beliau berpendapat, belum pernah dalam sejarah terdapat menteri-menteri Kabinet yang menghantar memorandum sedemikian rupa kepada Perdana Menteri.

Beliau juga menggambarakan bahawa tindakan tersebut sebagai 'tidak ubah seperti Parti Pembangkang dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)'. Perbuatan menteri kabinet itu juga mencerminkan 'rasa tidak hormat' kepada Perdana Menteri yang bertanggungjawab melantik mereka ke jawatan yang dipegang sekarang.

Yang anehnya, Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz menyokong tindakan sembilan menteri Kabinet itu dengan menyifatkan pin daan adalah wajar dibuat tentang prosedur yang berkenaan.

Persoalannya, adakah ini pandangan dari Pergerakan Wanita UMNO atau Rafidah sendiri? Tidakkah Rafidah merasa

kan bahawa isu tersebut adalah isu yang amat sensitif kerana dengan tindakan beliau menyokong menteri-menteri bukan Islam itu menunjukkan beliau cuba melawan arus. Bolehkah pendirian beliau diterima oleh majoriti orang Melayu di negara ini?



Rafidah Melawan Arus...

## SOKONGAN

Memorandum kontroversi itu telah ditandatangani oleh sembilan orang Menteri Kabinet. Mereka ialah Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Ongkili; Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik; Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr Fong Chan Onn.

Menteri-menteri lain ialah Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Domok dan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan

**YOUR SAY** FIVE 3G NOKIA N70 PHONES TO BE GIVEN AWAY WEEKLY

**NEW STRAITS TIME** ESTABLISHED 1845 FRIDAY JANUARY 20

Price: RM1.20 (incl. GST) / 20¢ (incl. GST) / 20¢ (incl. GST)

## MEMO TO PM

Call for review of laws affecting rights of non-Muslims

By Choo Kuan Tin and Deborah Lim

MEMORANDUM, then, will be forwarded to the PM.

THE NINE MEMBERS WHO SIGNED THE MEMORANDUM



ONG KA TING (Menteri Kerja Raya), CHAN BENG ONN (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan), DR FONG CHAN ONN (Menteri Sumber Manusia), CHUA SOI LOK (Menteri Kesihatan), S. SAMY VELLU (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan), DR LIM KENG YAİK (Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi), PETER CHIN FAH KUI (Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi), DATUK SERI DR FONG CHAN ONN (Menteri Kerja Raya), DATUK SERI DR CHUA SOI LOK (Menteri Kesihatan).

It is an issue regarding the law, our Constitution and human rights. It should not be looked at as only a religious issue. It is a social issue emerging out of a religious matter.

Muka depan akhbar 'Straits Times' bertarikh 20 Januari 2006 yang menyiarkan 'MEMO KEPADA PM' yang menimbulkan rasa kurang senang umat Islam di negara ini dan menimbulkan persoalan mengenai apakah agenda sebenar 10 orang menteri kabinet terbabit berbuat demikian.

Kong Choi. Sementara itu, Menteri Perlancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad pula mendakwa tidak menandatangani memorandum itu kerana berada di Filipina.

Persoalannya kini, siapakah diantara mereka yang menjadi dalang utama yang 'berjaya' memujuk dan mempengaruhi menteri-menteri Kabinet yang terlibat untuk bersama-sama menandatangani dan menghantar memorandum itu tanpa memikirkan sensitiviti umat Islam negara ini?

Semuanya ini masih menjadi tanda tanya kepada kita?

### SURAT PERTAMA

## Mempertikai Artikel 121 (1A) sama seperti mempertikai Artikel 3

Saudara Pengarang,

ISU pindaan Artikel 121 (1A) Perlembagaan timbul berikutan salah faham terhadap isi kandungan dan fungsi artikel tersebut. Ius tersebut memuncak apabila berlaku peribatan mayat pendaki Everest, Sarjan M. Moehty atau nama Islamnya, Mohammad Abdullah.

Pada prinsipnya, artikel tersebut memberikan kuasa yang eksklusif kepada Mahkamah Syariah di Malaysia bagi menjalankan perbicaraan kes yang berkaitan undang-undang Islam. Artinya, Mahkamah Sivil tidak berhak untuk menjalankan perbicaraan kes berkaitan undang-undang Islam.

Usah penambahan subseksyen 1A di bawah Artikel 121 Perlembagaan Persekutuan pada 1998 yang dipelopori oleh Allahyarham Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim itu juga telah menyelesaikan permasalahan konflik bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Sivil. Penambahan subseksyen tersebut telah menyumbang kepada penambahbaikan sistem pertadbiran undang-undang Islam di Malaysia.

Mertuq kepada kes Allahyarham Mohammad, punca kekeliruan yang berlaku adalah kerana ketidakjelasan prosedur membekal Islam di negara ini. Maka, masalah ketidakjelasan prosedur tersebut yang sepatutnya ditangani. Penambahbaikan prosedur tersebut tidak boleh dijadikan asas untuk mempertikaikan kea-

hlian atau constitutionality artikel 121 (1A). Tidak keterlaluan untuk menyatakan bahawa artikel ini juga merupakan manifestasi kepada Artikel 3 yang memperuntukkan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.

Agama adalah perkara sensitif untuk diperdebatkan sebagaimana sensitifnya perdebatan berkaitan hak-hak istimewa komputer dan Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan. Maka mempertikaikan artikel ini mungkin boleh disamakan seperti mempertikaikan Artikel 3 tersebut.

Artikel 121 (1A) tidak wajar dipinda kerana ia akan memberi kesan jangka panjang terhadap usaha mengharmonikan undang-undang Islam dan sivil. Jajagan lapa, perdebatan mengenai peruntukan berkaitan agama Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan juga pernah menjadi kontroversi apabila timbul usaha untuk mewujudkan Suruhajaya Antas Agama suatu ketika dulu. Namun ketegasan pihak kerajaan mempertahankan peruntukan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan telah berjaya menyelesaikan masalah tersebut. Mengambil pengajaran situasi tersebut, saya amat berharap pihak kerajaan dapat membuat penelitian dan kajian yang mendalam sebelum membuat sebarang pindaan.

- NISAR MOHAMMAD AHMAD, Exeter, United Kingdom.

### SURAT KEDUA

## Usah terpengaruh syor yang boleh gugat Islam sebagai agama rasmi

Saudara Pengarang,

KEBELAKANGAN ini pelbagai pertubuhan agama bukan Islam di Malaysia mendesak kerajaan untuk mengubal dan meminda perlembagaan negara yang berkaitan dengan kepentingan dan toleransi beragama di Malaysia. Alasan mereka untuk membela kepentingan penganut agama lain di Malaysia.

Sebagaimana kita ketahui kerajaan Malaysia sejak mereka lagi tidak pernah menghalang mana-mana penganut agama lain untuk mengamalkan ajaran mereka, bahkan kerajaan telah pergi terlalu jauh sehingga mengizinkan agama lain seperti Depewah dan Kristus disebarkan sebagai suatu perayaan negara.

Apakah ini tidak menjaga kepentingan penganut agama lain? Cadangan dari pertubuhan agama bukan Islam (bahkan terdapat juga teglinter pemimpin kerajaan bukan beragama Islam) yang menadangkan pindaan terhadap peruntukan 'bahawa setiap anak kepada ibu bapa yang beragama Islam adalah automatik beragama Islam'.

Ini menunjukkan bahawa pertubuhan agama dan pemimpin itu tidak sensitif dan tidak memahani hak Islam sebagai agama rasmi di negara ini.

Dalam Islam, ibu bapa bertanggungjawab memarahi anaknya ke jalan agama yang benar sejak awal kelahirannya lagi. Kerana itu walaupun anak itu belum lagi mampu berkata-kata, anak ini

telah ditandakan dan dajamatkan untuk mengakti bahawa kebenaran Islam dan keesaan Allah SWT. Jika hak dan tanggungjawab ibu bapa Islam ini dipersoal, berarti pemimpin-pemimpin dan pertubuhan agama bukan Islam ini telah mencabar dan cuba mencampuri urusan dalam ajaran Islam itu sendiri.

Apakah golongan ini mahu menamatkan anak-anak kepada ibu bapa Islam seorang yang berstatus belum beragama... tanpa agama... tiada agama... atau belum Islam?

Kepada pemimpin-pemimpin UMNO beragama Islam dan parti-parti lain yang sudah beragama Islam, ingtah anda dilantik dan dipilih oleh Allah menjadi pemimpin untuk menjaga kepentingan agama Islam di Malaysia tanpa mengorbankan keperluan penganut agama lain.

Namun, jangan sesekali mudah terpengaruh dengan cadangan dan usul yang boleh menggugat Islam sebagai agama rasmi di Malaysia ini. Kepada pemimpin pertubuhan agama lain, ketabiahlah bahawa Islam tidak memaksa penganut agama lain memeluk Islam.

Ingtah bahawa jika kita cuba mencampuri urusan orang lain, akhirnya orang lain pula akan mencampuri urusan kita.

- MOND NOOR IDRIS, Lough, Ael, Kelantan.